

PEMBERIAN REBAT AIR MANFAATKAN 597,000 PENGGUNA PULAU PINANG



GEORGE TOWN, 6 Jun (Bernama) -- Pemberian rebat dalam bentuk air percuma 10,000 liter pertama bagi setiap bil air selama enam bulan bermula bulan depan akan memanfaatkan 597,000 pengguna domestik berdaftar di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) K.Pathmanathan berkata jangkaan impak terhadap hasil perbadanan itu dalam tempoh Julai hingga 31 Dis ini pula ialah kira-kira RM11 juta.

"PBAPP tidak akan mengebil pengguna domestik Pulau Pinang untuk 10,000 liter pertama dalam setiap bil air domestik dwibulanan dari Julai hingga 31 Dis seperti arahan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan bil air domestik dibilkan secara dwibulanan.

"Pengguna air domestik Pulau Pinang yang menggunakan lebih daripada 10,000 liter dalam tempoh dua bulan akan jimat RM6.20 setiap bil iaitu tiga bil dwibulanan dan jumlah penjimatan bagi setiap pengguna ialah RM18.60 dalam tempoh enam bulan yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata langkah sementara tiada caj untuk 10,000 liter hanya terpakai bagi penggunaan air domestik di Pulau Pinang dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak terpakai bagi empat kategori penggunaan air iaitu bukan domestik, meter pukal domestik, perkapalan, rumah ibadat serta institusi kebajikan.

Pathmanathan berkata bagi skim Rebat Mesra Keluarga RM20 bagi isi rumah besar iaitu lapan orang atau lebih, pemohon boleh mendapatkan borang permohonan menerusi laman web PBAPP dan di semua kaunter perkhidmatan pelanggan PBAPP.

Beliau berkata kriteria untuk permohonan ialah isi rumah ramai dengan lapan orang atau lebih tinggal di rumah yang sama iaitu semua mempunyai alamat yang sama dalam kad pengenalan.

"Selain itu, pendapatan isi rumah B40 sebanyak RM5,580 dan ke bawah iaitu pendapatan isi rumah bagi kategori miskin tegar mengikut Laporan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah Pulau Pinang 2022 dan dokumen-dokumen yang diperlukan perlu disahkan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), penghulu atau pejabat daerah," katanya.

Semalam kerajaan negeri meminta PBAPP untuk memberikan rebat dalam bentuk air percuma 10,000 liter pertama bagi setiap bil air selama enam bulan dan meluaskan skim Rebat Mesra Keluarga RM20 bagi isi rumah besar.

Sebelum ini, pengguna di Pulau Pinang terkejut dengan peningkatan kadar bil bekalan air dengan kebanyakan meningkat lebih 100 peratus hingga lebih 150 peratus sejak pelarasan kadar tarif air domestik pada Februari lepas.